



Headline: 1,072 kes Macau Scam melibatkan kerugian RM30 juta Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 18 April 2022

Page: 4

1,072 kes Macau Scam melibatkan kerugian RM30 juta

SHAH ALAM - Sebanyak 1,072 kes penipuan Macau Scam melibatkan modus operandi menyamar sebagai pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sejak Januari hingga April tahun ini telah dibuka kertas siasatan.

Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police melalui perkongsian di Facebook rasminya mendedahkan jumlah kerugian akibat kes berkenaan adalah sebanyak RM30 juta.

Ujarnya, orang ramai dinasihatkan supaya segera memutuskan panggilan sekiranya dihubungi oleh mesin operator yang memaklumkan tentang tunggakan cukai LHDN.

“Jika anda dihubungi oleh nombor yang tidak dikenali dan diberitahu ada tunggakan cukai syarikat yang didaftarkan atas nama anda, jangan percaya!

“Tindakan anda: Semak dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tentang maklumat syarikat tersebut. Putuskan panggilan,” katanya pada Sabtu.